



SUHU

The average maximum temperature for Brunei is **32.0°C** and the average minimum temperature is **23.7°C**.

Pada 28 Mac 1983, suhu tertinggi yang dicatat di Brunei adalah 38.0°C.

Manakala, suhu terendah yang pernah dicatat dalam sejarah Brunei adalah 18.4°C pada 13 Januari 1985.

TURUNAN HUJAN



Jumlah bulanan tertinggi bagi turunan hujan di Brunei adalah sebanyak 977.0 mm pada bulan Januari 2009.

Pada 30 September 2019 di stesen BIA, jumlah tertinggi bagi turunan hujan dalam masa satu hari direkodkan sebanyak 275.0 mm. Hujan lebat yang berterusan telah mengakibatkan banjir kilat terutamanya dikawasan rendah.

Hari-hari tanpa hujan dalam jangka masa yang terpanjang adalah selama 31 hari iaitu pada 1 hingga 31 Mac 1998.



KELAJUAN ANGIN

Pada 9 Jun 2001 pukul 7:36 pm, kelajuan angin yang tertinggi yang pernah dirakam di stesen BIA adalah selaju 113.9 km/j (bersamaan dengan 61.5 knot) iaitu menurut klasifikasi World Meteorological Organization dan Skala Angin Beaufort adalah dianggap Badai yang Ganas.

JEREBU




Jerebu yang paling teruk pernah direkodkan di Brunei adalah dengan catatan 100m jarak penglihatan (iaitu seperti panjang sebuah padang bola!) pada 14 April 1997, 24 Mac 1998 dan 8 April 1998. Sekolah-sekolah telah ditutup dan orang awam dikehendaki memakai penutup muka dan sentiasa dalam keadaan terhidrat.


Fakta Cuaca

Iklim Brunei

Data hujan adalah berdasarkan Pangkalan Klimatologi untuk Brunei Darussalam dari tahun 1991-2020 direkodkan di Stesen Pencerapan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (BIA).



جاڤن كاجي چواچا بروني دارالسلام



BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department